



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	KAJI DASAR HARGA BERAS, NASIONAL, BH -14 HARGA SILING BERAS DIKAJI BANTU PESAWAH, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PERTANIAN SEKTOR AGROMAKANAN BERDEPAN LIMA CABARAN UTAMA, ASTRO AWANI -ONLINE PARLIMEN: SEKTOR AGROMAKANAN BERDEPAN 5 CABARAN UTAMA - MAFI, ASTRO AWANI -ONLINE KERAJAAN KAJI TAMBAH BAIK DASAR HARGA SILING BERAS, BH -ONLINE JAMINAN BEKALAN MAKANAN BERTERUSAN SELEPAS PANDEMIC, KOSMO -ONLINE WARGA ASING JADI TAUKE PADI, BERAS, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9.	PINDAAN ENAKMEN PENYU BERKUATKUASA JUN 2022, TERENGGANU, HAKAKAH -H22 PEWARTAAN TAMAN LAUT JEJASKAN 400 NELAYAN MELAKA, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	HARGA SAYUR, BAJA DAN RACUN PERTANIAN DIBANGKITKAN AHLI PARLIMEN, SH -ONLINE HARGA SAYUR NAIK MENDADAK, NASIONAL, BH -17 CUACA HUJAN PUNCA HARGA SAYUR NAIK, NEGARA, KOSMO -16 'HUJAN, TENAGA KERJA PUNCA SAYUR MAHAL', HARGA SAYUR PULA MELAMBUNG, SH -8 HARGA NAIK SEJAK 2 MINGGU LALU, HARGA SAYUR PULA MELAMBUNG, SH -9 HARGA SAYUR NAIK 50 PERATUS DI TERENGGANU, HARGA SAYUR PULA MELAMBUNG, SH -9 KUBIS BUNGA MAHAL LEBIH DUA KALI GANDA DI PAHANG, HARGA SAYUR PULA MELAMBUNG, SH -9	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
17.	KERAJAAN BANTU NELAYAN TINGKAT PENDAPATAN KELUARGA, HAKAKAH DAILY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
18. 19.	PROGRAM RINTIS SMART SBB TINGKAT SUMBER PADI NEGARA, SH -ONLINE PROGRAM RINTIS SMART SBB TINGKAT SUMBER PADI NEGARA, NEGERI KELANTAN, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
20.	CAKNA, KELANTAN, HAKAKAH -H11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
21.	NANAS JADI MENU DI HOTEL TERKENAL DI ITALI, KELANTAN, HAKAKAH -H12	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
22. 23.	AISKRIM KELAPA KURANG KALORI, GAYA INOVASI, UM -24 BUAH KELAPA DITERIMA RAMAI, GAYA INOVASI, UM -25	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
24.	USAHA SAMA NAFAS TANAM MUSANG KING, NIAGA, KOSMO -38	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
25. 26. 27. 28.	AYAM SERAMA 'SOMBING' JADI BURUAN, DALAM NEGERI, UM -30 MALAYSIAN AGRICULTURE INDUSTRY TO BENEFIT FROM CHINA'S STANDARTS REFORMATION, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE RESAH 100 PENTERNAK IKAN, LOKAL, HM -25 AYAM SERAMA SEMAKIN MENDADA, MAKIN DIGEMARI RAMAI, NEGARA, KOSMO -17	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Kaji dasar harga beras

Kerajaan sedang mengkaji untuk menambah baik dasar harga siling beras yang had silingnya ketika ini ditetapkan pada RM1,200 per tan, bagi membantu golongan pesawah yang terjejas

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata industri pesawah dan padi beras diberikan subsidi tinggi oleh kerajaan, iaitu kira-kira RM1.5 bilion setiap tahun dan dasar kerajaan ketika ini ialah harga siling beras ditetapkan tidak melebihi beras biasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Harga siling beras dikaji bantu pesawah



Pekerja melakukan kerja-kerja memotong padi angin untuk diasingkan sebelum padi dituai ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette di Sungai Besar, Selangor. Foto AFFAN FAUZI, 28 JUN 2021.

KUALA LUMPUR – Kerajaan sedang mengkaji harga siling beras untuk ditambah baik bagi membantu golongan pesawah yang terjejas.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, ini kerana beberapa pertimbangan akan diambil kira memandangkan had siling harga beras ketika ini ditetapkan pada RM1,200 bagi setiap tan metrik.

“Industri sawah dan padi beras diberikan subsidi tinggi oleh kerajaan, iaitu kira-kira RM1.5 bilion setiap tahun. Dasar kerajaan ketika ini ialah harga siling beras ditetapkan tidak melebihi beras biasa.

“Kita tahu ramai golongan pesawah berada bawah golongan B40 dan kerajaan sedang melihat perkara ini.

“Namun, tentulah pertimbangan perlu diambil dan dibuat berdasarkan pendapatan pesawah serta kos pembelian beras yang terpaksa ditanggung rakyat keseluruhannya,” katanya di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Terdahulu, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim-Bandar Baharu) meminta kerajaan menjelaskan sama ada kerajaan bersedia menghapuskan harga siling beras.

Sementara itu, Ronald berkata, perubahan iklim menjadi antara lima cabaran utama kepada sektor agromakanan negara yang perlu didepani dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Beliau berkata, antara cabaran lain termasuk kekurangan sumber asli, produktiviti dan inovasi pertanian, perubahan demografi dan peralihan trend pemakanan serta kehilangan dan pembaziran makanan.

Menurutnya, kesan perubahan iklim semakin ketara dirasai kebelakangan ini dimana sepanjang tempoh lima tahun iaitu 2017 sehingga 2021, seluas 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Semenanjung Malaysia, manakala 9,336 hektar pula mengalami kerosakan akibat kemarau.

“Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim, MAFI melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN) antara lain, akan mempergiatkan pertanian mampan yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim bagi mengurangkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan serta memperluaskan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan kaedah teknologi berasaskan iklim,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Pertanian | Sektor agromakanan berdepan lima cabaran utama



Perubahan iklim antara lima cabaran utama kepada sektor agromakanan negara yang perlu didepani dalam tempoh 10 tahun akan datang. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata kesan perubahan iklim semakin ketara dirasai kebelakangan ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Parlimen: Sektor agromakanan berdepan 5 cabaran utama - MAFI



Dalam tempoh 5 tahun, 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Semenanjung Malaysia, manakala 9,336 hektar pula mengalami kerosakan akibat kemarau. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Perubahan iklim menjadi antara lima cabaran utama kepada sektor agromakanan negara yang perlu didepani dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata antara

cabaran lain termasuk kekurangan sumber asli, produktiviti dan inovasi pertanian, perubahan demografi dan peralihan trend pemakanan serta kehilangan dan pembaziran makanan.

Menurutnya, kesan perubahan iklim semakin ketara dirasai kebelakangan ini dimana sepanjang tempoh lima tahun iaitu 2017 sehingga 2021, seluas 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Semenanjung Malaysia, manakala 9,336 hektar pula mengalami kerosakan akibat kemarau.

"Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim, MAFI melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN) antara lain, akan mempergiatkan pertanian mampan yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim bagi mengurangkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan serta memperluaskan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan kaedah teknologi berasaskan iklim," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas-Sik) yang ingin tahu langkah-langkah MAFI bagi menangani perubahan iklim yang sudah pasti memberi kesan kepada industri pertanian negara termasuk penanaman padi yang menjadi sumber makanan utama negara.

Mengulas lanjut, Ronald Kiandee berkata MAFI juga telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi menangani kesan perubahan iklim khususnya bagi tanaman padi seperti pembangunan dan penggunaan varieti yang tahan banjir dan tahan kemarau.

"Ia termasuk pembangunan *variety* benih padi yang tahan kepada air masin sekiranya berlaku sebarang kesan limpahan air laut ke kawasan penanaman padi.

"Penggunaan Peta Agricultural Rainfall Index (ARI) dan Peta Tanah untuk menentukan kesesuaian tanaman di suatu kawasan serta merancang sistem perparitan dan pengairan dan meningkatkan kaedah penanaman padi berdasarkan panduan menguruskan tanaman padi mengikut sasaran," katanya.

Antara langkah lain termasuk pembinaan kelengkapan infrastruktur amalan pengairan sawah secara *Alternate Wetting and Drying* (AWD) dan memperkenalkan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko kerugian melibatkan bencana disebabkan oleh kesan perubahan iklim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kerajaan kaji tambah baik dasar harga siling beras



KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mengkaji untuk menambah baik dasar harga siling beras bagi membantu golongan pesawah yang terjejas.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata had siling harga beras ketika ini ditetapkan pada RM1,200 per tan metrik.

"Industri pesawah dan padi beras diberikan subsidi tinggi oleh kerajaan, iaitu kira-kira RM1.5 bilion setiap tahun. Dasar kerajaan ketika ini ialah harga siling beras ditetapkan tidak melebihi beras biasa.

"Kita tahu ramai golongan pesawah berada bawah B40, dan kerajaan sedang melihat perkara ini.

"Namun, tentulah pertimbangan perlu diambil dan dibuat berdasarkan pendapatan pesawah serta kos pembelian beras yang terpaksa ditanggung rakyat keseluruhannya," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim-Bandar Baharu) yang meminta penjelasan kerajaan sama akan bersedia menghapuskan harga siling beras.

Menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) mengenai langkah diambil kerajaan bagi menangani perubahan iklim yang memberi kesan terhadap industri pertanian negara, khususnya tanaman padi pula, Ronald berkata, beberapa inisiatif sedang dan sudah dilaksanakan.

"Antaranya, memberi tumpuan kepada pembangunan dan penggunaan varieti yang tahan banjir atau kemarau, serta pembangunan varieti benih yang tahan air masin sekiranya berlaku sebarang kesan limpahan air laut ke kawasan penanaman padi.

"Kita turut mengaplikasikan penggunaan Peta Agricultural Rainfall Index (ARI) dan Peta Tanah untuk menentukan kesesuaian tanaman di suatu kawasan serta merancang sistem perparitan dan pengairan, selain meningkatkan kaedah penanaman berdasarkan panduan mengurus tanaman padi mengikut sasaran," katanya.

Selain itu, Ronald berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga membina kelengkapan infrastruktur amalan pengairan sawah atau 'Alternate Wetting and Drying' (AWD), manakala insurans pertanian diperkenal bagi mengurangkan risiko kerugian membabitkan bencana kesan perubahan iklim.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesan perubahan iklim semakin ketara dirasai kebelakangan ini.

Katanya, sepanjang tempoh lima tahun sejak 2017 hingga kini, seluas 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di Semenanjung, manakala 9,336 hektar pula mengalami kerosakan akibat kemarau.

Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim, Ronald berkata, MAFI melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (DSMN), antara lain akan mempergiatkan pertanian mampan yang mesra alam serta berdaya tahan terhadap iklim.

Katanya, ia bagi mengurangkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan, serta memperluas penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan pengeluaran makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	KOSMO	ONLINE	

Jaminan bekalan makanan berterusan selepas pandemic



PANDEMIK Covid-19 adalah krisis kesihatan yang turut memberi ancaman kepada jaminan bekalan makanan dan nutrisi kepada berjuta manusia di seluruh dunia.

Laporan Global 2020 mengenai Krisis Makanan (GRFC) menyatakan, pandemik mampu mengakibatkan kemerosotan terhadap jaminan bekalan makanan sehingga ke tahap kritikal.

Ketidakstabilan dan kejutan adalah lumrah dalam pasaran komoditi, terutamanya melibatkan makanan. Kali terakhir krisis makanan berlaku pada 2008 dan 2009.

Semasa pandemik, sektor pertanian kekal terbuka bagi memastikan bekalan makanan tidak terganggu.

Bagaimanapun, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyekat pekerja dan logistik bekalan makanan, selain mengurangkan bekalan produk agromakanan di pasaran.

Dalam jangka panjang, ia boleh menjejaskan keselamatan makanan negara.

Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil beberapa strategi bagi memastikan keselamatan makanan kekal mapan semasa dan selepas krisis.

Beberapa program atau inisiatif mitigasi dilaksanakan seperti penubuhan sub kumpulan mitigasi Covid-19 yang memantau bekalan produk makanan, penubuhan Jawatankuasa Kabinet Kebangsaan Mengenai Dasar Keselamatan Makanan dan Jawatankuasa Eksekutif Keselamatan Makanan Negara.

Peranan jawatankuasa ini adalah memastikan keselamatan makanan negara sentiasa terjamin.

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Keselamatan Makanan Negara (DSMN) dilihat memadai untuk menggariskan strategi serta tindakan terhadap isu-isu dalam memastikan keselamatan dan bekalan makanan negara jika berlaku perkarab buruk.

Pada masa ini, terdapat 5.8 juta hektar tanah di Malaysia diusahakan untuk kelapa sawit, berbanding hanya satu juta hektar diperuntukkan untuk tanaman makanan.

Hanya 28 peratus penduduk negara ini terlibat dalam pertanian dan mereka secara purata berumur 60 tahun.

Ramai petani berhenti menanam tanaman makanan dan mula menanam sawit.

Malah, ada antara mereka yang menjual tanah pertanian untuk dijadikan kawasan perumahan dan perindustrian.

Pada tahun 2018, industri pertanian menyumbang 7.9 peratus berbanding sektor perkhidmatan (56.0 peratus) dan pembuatan (22.8 peratus).

Disebabkan ini, industri pertanian sering kali dipandang rendah dan dilihat sebagai industri kurang penting.

Namun, semua ini berubah ketika penularan pandemik Covid-19.

Ia memburukkan lagi keadaan dan mengakibatkan masalah global yang lebih besar dari segi jaminan bekalan makanan, termasuk di Malaysia.

Beberapa minggu pertama PKP, kita melihat timbulnya isu ketidakcukupan roti serta masalah gangguan rantai bekalan sayuran dari Cameron Highlands, Pahang.

Kesan Covid-19 terhadap bekalan makanan menjejaskan ekonomi negara.



SEHINGGA kini, seluas 5.8 juta hektar tanah di negara ini diusahakan penanaman kelapa sawit berbanding tanaman untuk pengeluaran makanan. –
GAMBAR HIASAN

Keluaran Dalam Negara Kasar negara menguncup 17 peratus pada suku kedua 2020, lebih sejuta orang kehilangan pekerjaan dan hampir 70,000 industri kecil dan sederhana atau muflis.

Pilihan antara menyelamatkan nyawa dan kesihatan

ekonomi adalah pertimbangan rumit.

Kesan ekonomi pandemik terhadap golongan berpendapatan rendah juga amat teruk, terutamanya dari segi keselamatan makanan.

Kajian menunjukkan, lebih separuh rakyat tidak mampu menyediakan RM1,000 apabila krisis berlaku.

Hampir 60 peratus isi rumah mengalami pengurangan pendapatan hingga RM700 sebulan ketika itu.

Ketidakstabilan ekonomi menjejaskan status keselamatan makanan penduduk terutama dari segi kemampuan kewangan untuk membeli dan lebih penting lagi, dalam menyediakan makanan berkhasiat untuk kanak-kanak.

Ancaman ini menjejaskan keupayaan isi rumah untuk membeli makanan dan keperluan lain. Aktiviti sektor pertanian seperti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan jangka pendek seperti nanas juga dilaporkan tidak berkembang sejak beberapa bulan lalu.

Ketidakstabilan dan kejatuhan harga perkara biasa dalam pasaran komoditi terutama melibatkan makanan.

Semasa krisis kewangan pada tahun 2008 dan 2009 menunjukkan, harga hasil pertanian terutamanya beras dan bijirin meningkat. Secara amnya, selepas krisis reda, harga kembali normal.

Bagaimanapun, kejatuhan harga komoditi semasa Covid-19 jauh berbeza disebabkan ia menjejaskan penawaran dan permintaan.

Tambahan pula, Malaysia sedang menghadapi gelombang ketiga Covid-19 serta varian baharu lebih agresif.

MAFI menyedari keperluan untuk mewujudkan mekanisme bersepadu melibatkan agensi dan kementerian untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kecekapan sistem makanan negara.

Usaha merealisasikan jaminan bekal makanan negara merupakan tanggungjawab semua pihak di sepanjang rantai bekal makanan melibatkan pengeluar, pengusaha, pemborong, peruncit, pengguna, penyelidik dan kerajaan.

Kerjasama dan muafakat semua pihak terhadap objektif yang sama adalah kritikal dalam menjamin pertumbuhan serta perkembangan industri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Warga asing jadi tauke padi, beras



Kuala Lumpur: Sebelum ini kehadiran mereka hanya untuk mengisi peluang pekerjaan di sektor pembinaan, perladangan, perkilangan dan pembuatan.

Namun, tiada siapa menyangka warga asing terutama Bangladesh dan etnik Rohingya kini mampu bergelar 'tauke' dalam sektor padi dan beras di tujuh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di seluruh negara sejak beberapa tahun lalu.

Bermula dengan berkecimpung di dalam penanaman sayur seperti di Cameron Highlands, 'abang Bangla dan Rohingya' mula 'menguasai' jelapang padi negara dengan ada yang menjalani hidup mewah hasil aktiviti agronomi.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, setakat ini pihaknya mengesan lebih 200 'petani import' didapati mengusahakan penanaman padi di negara ini.

Katanya, rekod mendapati jumlah warga asing yang bekerja sebagai pesawah paling ramai adalah di IADA Barat Laut, Selangor seramai 116 orang, Perak dan Pulau Pinang (34 orang), Rompin (15), Seberang Perak (8), Rompin (5) dan Ketara (Besut, Terengganu) seramai dua orang.



"Mereka ini terbabit dalam amalan agronomi termasuk aktiviti menuai, tapak semaian dan mekanisasi.

"Ada yang bermula dengan mengambil upah menabur benih, membaja dan meracun di mana mereka ini tidak bernaung di bawah mana-mana syarikat atau agensi, malah bebas melakukan apa-apa perkhidmatan.

"Ia adalah satu senario tidak sihat kepada pekerja tempatan kerana dalam tempoh beberapa tahun akan datang, tidak mustahil mereka akan menguasai sepenuhnya sawah padi kita," katanya.

Azman berkata, mereka dipercayai masuk ke negara ini untuk melakukan pekerjaan di sektor lain sebelum ini, namun memilih berkecimpung di dalam industri padi dan beras disebabkan beberapa faktor.

Katanya, sebelum ini memang terdapat pemilik yang tidak mengusahakan sawah mengupah orang lain untuk penanaman, meracun dan sebagainya setiap

kali musim padi, namun pembabitan warga Bangladesh dan etnik Rohingya kini seperti menjadi satu trend.

"Kita bimbang suatu hari nanti, mereka akan menjadi tauke sepenuhnya di dalam industri (padi dan beras negara) sedangkan ada yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah.

"Mafi dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan petani dengan pelbagai inisiatif terkini seperti pengenalan Smart Sawah Berskala Besar (SBB) dan pelbagai lagi.

"Di satu sudut lain, kita juga menumpukan kepada pengawalan jualan benih padi sah bagi memastikan kualiti benih untuk hasil yang optimum.

"Tetapi jika ini (kehadiran pesawah warga asing) tidak dibendung, sudah pasti petani tempatan tidak akan mendapat manfaat sewajarnya dan lama-kelamaan mereka pula memonopoli industri padi secara perlahan-lahan," katanya.



Azman berkata, maklumat setakat ini mendapati, warga asing berkenaan menyewa sawah terbabit pada harga RM6,000 sehektar, melebihi apa yang ditawarkan petani tempatan.

Menurutnya, hasil tanaman akan dijual kepada kilang menggunakan nama petani, namun hakikatnya ia adalah milik warga asing terbabit.

Katanya, pihaknya tidak menolak kemungkinan lebih ramai lagi pekerja asing yang aktif di dalam industri terbabit berdasarkan senario semasa.

"Justeru kita akan berbincang dengan beberapa pihak berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah ini demi masa depan industri padi dan beras negara yang lebih baik.

"Insya-Allah, saya yakin dengan pengenalan Smart SBB, ia boleh menjadi satu kaedah penyelesaian kepada banyak isu termasuk benih padi, industri hiliran, bekalan beras dan sudah tentu memberi pulangan maksimum kepada petani.

"Kita akan bawa isu ini kepada pihak berwajib yang terbabit seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menyiasat dokumen perjalanan atau permit yang digunakan," katanya.

25/11/2021

HARAKAH

TERENGGANU

H22

Pindaan Enakmen Penyu berkuatkuasa Jun 2022

Oleh **KHAIRUL AZLAM
MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Komitmen Kerajaan PAS Terengganu menjaga dan memulihara khazanah berharga negeri yang menjadi ikon, dengan meluluskan Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 (Pindaan 2021) yang akan berkuatkuasa pada Jun 2022, tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu telah meluluskan Pindaan Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 yang akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2022.

Katanya, tujuan utama kerajaan ini membuat pindaan itu adalah bagi mengekalkan satu khazanah berharga bagi negeri Terengganu iaitu penyu yang menjadi ikon.

"Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 dan melalui pindaan kali pertama 1987, kali kedua pindaan tahun 1999 dan ini (2021) pindaan kali ketiga. Sebelum ini, berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, Terengganu adalah satu-satunya negeri yang membenarkan penju-

an telur penyu, yang tidak dibenarkan untuk dijual hanya alah telur penyu jenis belimbing sahaja. "Sebenarnya, penyu jenis belimbing ini sudah lima enam tahun tidak kelihatan mendarat lagi di mana-mana pantai di negeri ini. Apabila Enakmen kita melarang penjualan telur penyu belimbing dan membenarkan penjualan telur-telur penyu yang lain, jadi enakmen ini sudah tidak relevan lagi," ujarnya.

Beliau berkata demikian setelah selesai Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Keempat, Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14, Belanjawan Terengganu (Bajet) 2022, di Uz Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu pada 18 November lalu.

Justeru, katanya pindaan enakmen itu sebagai langkah pencegahan dan bukan bagi menghukum semata-mata walaupun kadar denda dinaikkan antara RM50,000 hingga RM250,000 bagi kesalahan tersebut.

"Apabila Enakmen kita negeri yang melarang pen-

(kerajaan) melarang penjualan telur penyu belimbing dan membenarkan penjualan telur-telur penyu yang lain, jadi enakmen ini sudah tidak relevan lagi. "Ini kerana, telur yang kita larang jual itu sudah tidak wujud di negeri Terengganu. Justeru, Terengganu menjadi sasaran bagi pelbagai pihak kerana hanya kita yang membenarkan jual telur itu secara sah.

"Selepas ini, sebarang penjualan telur penyu adalah dilarang dan dalam tempoh lebih dari setahun tentang pindaan ini. Alhamdulillah, saya lihat impaknya tidak banyak kepada mereka yang menjadikan penjualan telur penyu sebagai punca pencaraan.

"Walaupun ada dakwaan yang menyatakan telur penyu yang dijual di Terengganu ini bukan daripada Terengganu tetapi Sabah, tetapi dari segi jabatan dan pihak kami tidak yakin dengan fakta ini. "Ini kerana, Sabah adalah negeri yang melarang pen-



Dr Azman Ibrahim



Penyu jenis Agar atau nama saintifiknya, 'Chelonia mydas' masih mendarat di pantai Terengganu.



Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (dua kanan) melepaskan anak-anak penyu ke laut di Pantai Rantau Abang, Dungun.

jualan telur penyu. Jadi bagaimana telur-telur itu boleh sampai ke Terengganu melalui pengangkutan udara dan sebagainya. Tapi, kita yakin telur ini daripada Terengganu," jelasnya.

Menurut Dr Azman, melalui pindaan enakmen itu kerajaan turut mewujudkan satu Tabung Amanah Penyu yang menjadi punca kuasa bagi menjalankan aktiviti pendidikan dan pemuliharaan khazanah tersebut.

"Jadi di antara penguatkuasaan dan pendidikan itu kita hendak supaya berjalan seiringan dan tentu sekali akan melibatkan impikasi kewangan kepada kerajaan negeri.

"Kita jangka dalam lingkungan RM150,000 setahun untuk kita beli semula telur-telur penyu apabila pemajak-pemajak tidak lagi dapat menjual telur penyu

sebagaimana biasa seperti sebelumnya.

"Kita ada kadar denda yang telah dinaikkan sehingga antara RM50,000 hingga RM250,000 dan penjaru satu tahun kepada kesalahan-kesalahan kacau ganggu, membunuh penyu dan sebagainya.

"Kita mahu sifat pencegahan sebenarnya, bukan kita hendak hukum rakyat kita. Kita hendak mencegah atas

dasar mahu melindungi 'spesies' yang telah terancam. Sebelum ini, denda serendah RM3,000 sahaja, yang dikira bukan lagi relevan dengan nilai mata wang," ujar beliau.

Selain itu, tambah beliau pelbagai aktiviti lain yang menyahabih etika akan dikenakan peraturan lebih ketat seperti aktiviti berenang, mandi, bermain bersama penyu dan sebagainya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Pewartaan Taman Laut jejaskan 400 nelayan Melaka

MELAKA: Kira-kira 400 nelayan Melaka Selatan merayu kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) yang baharu dibentuk agar mempertimbangkan cadangan untuk tidak mewartakan Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka sebagai Taman Laut Negara.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar berkata, jika pulau berkenaan diwartakan, ia secara tidak langsung bakal menjejaskan sumber rezeki nelayan sepanjang Melaka Selatan untuk menangkap ikan.

Menurutnya, lapang pangkalan nelayan yang dijangka terjejas adalah Tanjung Kling, Pantai Kundor, Pantai

Puteri, Balik Bukit, Sungai Lereh, Kelumbang, Kampung Portugis dan Kota Laksamana.

"Saya mewakili seluruh pangkalan nelayan dari Melaka Selatan memohon Ketua Menteri yang baharu dilantik, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali untuk mempertimbangkan suara kami meminta jasa baik agar tiga pulau tersebut tidak diwartakan sebagai Taman Laut Negara.

"Sejak penambakan laut dari Kampung Portugis hingga Kelebang, tangkapan nelayan semakin berkurangan. Keadaan menjadi lebih teruk apabila kapal-kapal berlabuh pula di laluan nelayan pukat hanyut menangkap ikan masih belum diselesaikan," ujarnya.

PULAU Undan, Melaka bakal diwartakan Taman Laut Negara adalah kawasan sumber rezeki nelayan menangkap ikan. - UTUSAN/AMRAN MULUP



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Harga sayur, baja dan racun pertanian dibangkitkan ahli Parlimen



KUALA LUMPUR - Isu kenaikan harga barangan termasuk sayur-sayuran, baja serta racun pertanian dibangkitkan beberapa ahli Parlimen yang ingin tahu langkah kerajaan bagi mengatasi masalah itu.

Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) berkata, beliau menerima rungutan daripada rakyat mengenai kenaikan mendadak harga sayur seperti kubis bunga daripada RM7 kepada RM16

sekilogram dan sawi pendek kepada RM9 berbanding RM3 sekilogram sebelum ini.

"Bukan sahaja harga sayur naik 200 peratus, harga ayam juga naik... sebelum ini RM8 sekilogram (harga ayam) tetapi sekarang ada yang lebih RM10 sekilogram.

"Harga telur gred A juga naik daripada RM10 kepada RM12 sepapan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 (Bajet 2022) peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Dewan Rakyat pada Rabu.

Sabri Azit (PAS-Jerai) pula meminta kerajaan mengambil tindakan segera bagi mengatasi kenaikan harga import racun dan baja pertanian bagi mengurangkan beban petani dan pesawah.

"Kenaikan harga racun dan baja sangat keterlaluan dan kita minta kerajaan membantu golongan pesawah dengan memantau harga pasaran racun," katanya.

Seramai 12 ahli Parlimen turut serta pada sesi perbahasan itu dan dijangka 16 lagi akan menyambung perbahasan mereka esok, selain penggulungan daripada MAFI.

Bajet 2022 memperuntukkan sejumlah RM3.28 bilion anggaran perbelanjaan mengurus kepada kementerian berkenaan.

Selain MAFI, sesi perbahasan dan penggulungan peringkat Jawatankuasa esok dijadual melibatkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Persidangan Dewan Rakyat bersambung pada Khamis. - Bernama

Harga sayur naik mendadak

Cuaca tidak menentu antara punca bekalan kurang

Oleh Hazira Ahmad Zaidi, Aizat Sharif dan Baharom Bakar
bhnews@bhl.com.my

Kuala Lumpur: Harga sayur di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Alor Setar naik antara RM1 hingga RM4 sekilogram, manakala di Kangar masih stabil.

Antara sayur yang naik harga ialah brokoli, kubis bunga, kubis, bayam, cili besar, kangkung, sawi, terung, dan kacang bendi.

Di Kota Bharu, harga kebanya-

kan sayuran naik mendadak antara RM1 hingga RM4 bagi sekilogram sejak dua minggu lalu yang didakwa akibat faktor cuaca tidak menentu.

Tinjauan di Pasar Berek 12 di sini, mendapati harga beberapa jenis sayur mengalami kenaikan antaranya timun yang kini dijual pada harga RM4 hingga RM5/kg berbanding RM3 sebelum ini selain brokoli RM5/kg berbanding RM4 hingga RM5/kg sebelum ini.

Turut meningkat ialah harga cili api merah dan hijau yang dijual pada harga RM15/kg berbanding RM13 sekilogram, manakala petola dijual RM6/kg berbanding RM4 sebelum ini.

Peniaga sayur-sayuran, Ramlah Awang, 66, berkata, turun naik harga sayuran adalah fenomena biasa terutama ketika musim tengkujuh kerana ia bergantung kepada bekalan.

Peniaga, Siti Rohani Hussin, 49, berkata, harga sayur-sayuran mula naik sejak dua minggu lalu akibat keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan pembekal terpaksa menaikkan harga sayuran yang dijual.

"Harga terung sebelum ini adalah RM3 hingga RM4/kg kini harganya RM6/kg, manakala petola pula dari RM4 kepada RM6 dan yang paling ketara kenaikan sayur brokoli da-

ripada RM13 kepada RM18 serta kubis bunga daripada RM8 kepada RM16.

Di Kuala Terengganu, kekurangan bekalan didakwa punca kenaikan harga pelbagai jenis sayur sehingga 50 peratus.

Kenaikan harga bukan hanya berlaku pada peringkat pemborong, malah turut memberi kesan kepada pengguna.

Peniaga, Mariah Mamat, 49, berkata, peningkatan mendadak harga sayuran sehingga 50 peratus berlaku sejak awal bulan ini antaranya kubis bunga dan brokoli.

"Harga kubis bunga yang diperoleh daripada pemborong sebelum ini RM11 dan RM12/kg tetapi meningkat kepada RM18/kg.

"Brokoli kita dapat daripada pemborong sebelum ini sekitar RM12/kg dan kini harga melambung sehingga RM18/kg. Jadi terpaksa jual RM20/kg," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga, semalam.

Tinjauan harga di Pasar Chabang Tiga dan beberapa pasar utama mendapati kebanyakannya meningkat antaranya sawi manis (RM10/kg), kubis bunga (RM15), brokoli (RM17) sawi panjang kampung (RM6), kacang buncis (RM16), cili merah (RM16), cili

besar -(hijau) (RM16) dan salad (RM20).

Di Alor Setar, peniaga, Sam Sew Ling, 50, berkata beliau mengurangkan mengambil bekalan sayur sekarang kerana kluatir tidak habis dijual berikutan kenaikan harga dan penggunaan mengambol sikap hati-hati.

"Sepanjang 20 tahun saya berniaga di sini, inilah kali pertama harga sayur naik mendadak sejak sebulan lalu, saya sendiri hanya dapat untung yang tipis berbanding sebelum ini.

"Harga brokoli naik daripada RM7 kepada RM16 sekilogram (kg), cili besar daripada RM10 kepada RM17 manakala kubis naik kepada RM5 sekilogram berbanding RM2 sebelum ini.

"Saya ada tanya pemborong kenapa harga terlahu tinggi, mereka kata sebab sekarang musim hujan dan sukar memperoleh bekalan terutama sayur-sayuran yang diimport," katanya.

Di Kangar, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Perlis, Norazan Jaapar, berkata harga sayur-sayuran di Perlis masih stabil dan tiada kenaikan mendadak, walaupun cuaca tidak menentu sekarang.



Peniaga, Nurul Essa Fazira Ariff, menunjukkan harga sayur yang dijual di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

Tanaman petani di Cameron Highlands banyak alami kerosakan

Cuaca hujan punca harga sayur naik

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri mengesahkan faktor kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran ketika ini berpunca dari pada cuaca dan hujan yang tidak menentu.

Pengarahnya, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (PAMA) memaklumkan bekalan sayur-sayuran di pasaran negeri ini berkurangan serta berlaku kerosakan sayur-sayuran milik petani di Cameron Highlands, Pahang.

"Selain itu, bekalan sayur-sayuran import turut berkurangan ekoran negara pengeluar mengalami keadaan cuaca sejuk melampau serta kenaikan kos pengangkutan kontena dari ne-



CUACA yang tidak menentu di Cameron Highlands menjadi antara punca sayur naik harga. - GAMBAR HIASAN

gara asal. "Sehubungan itu, Seksyen Penguat Kuasa telah menjalankan pemeriksaan dan menyeraikan Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) ke atas mat barga sayur-sayuran," kata-



KERATAN Kosmo! semalam.

nya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kosmo! melaporkan harga beberapa jenis sayur-sayuran di negeri ini mengalami kenaikan sebanyak 40 hingga 200 peratus dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini.

Kenaikan sebanyak RM2 hingga RM12 mengikut jenis sayur itu dikesan Persatuan Pengguna Pulau Pinang berlaku di beberapa pasar di Bayan Baru, Taman Tun Sardon, Jelutong, Batu Lanchang, Ayer Itam dan Pulau Tikus.

25/11/2021

SINAR
HARIANHARGA
SAYUR PULA
MELAMBUNG

8

'Hujan, tenaga kerja punca sayur mahal'

Akui pengeluaran
bekalan sayur merosot
sebanyak 30 hingga 40
peratus kali ini

Laporan MOHD AZLIM
ZAINURY, NORHASPIDA
YATIM, ROSILAWATI ROSE-
DI, NOOR AINON MOHAMED
YUSOF, MUHAMMAD AMMAN
HIBRAHIM dan ENKGU
SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Kemerosotan pe-
ngeluaran hasil
sayuran tempatan
akibat musim hujan
menjadi antara faktor utama
kenaikan harga sayuran dalam
negara baru-baru ini.

Punca lain dikenal pasti turut
menyumbang kepada peningkat-
an harga sayuran adalah pe-
nurunan bekalan sayuran import,
peningkatan kos pengeluaran dan
kekurangan tenaga pekerja.

Setiausaha Agung Persatuan
Pekebun Sayur
Cameron Highlands,
Chay Ee Mong ber-
kata, sejak permula-
an musim hujan di
kawasan tersebut
pada awal November
ini, pengeluaran
sayuran di kawasan
tersebut telah me-
rosot sebanyak 30
hingga 40 peratus.

Beliau berkata,
meskipun pe-
ngurangan produkti-
viti itu sudah di-
jangka kerana ia
berlaku hampir se-
tiap tahun, namun
kenaikan luar biasa
harga sayur di dalam
negara ketika ini di-
burukkan lagi de-
ngan isu bekalan
sayuran import yang
terjejas.

"Kenaikan tahun ini jadi le-
bih teruk kerana bekalan import
sekarang ini pun dah jadi mahal
sebab bekalan kurang. Sebelum
ini kalau tidak cukup (bekalan
sayur tempatan), kita boleh im-
port, tapi sekarang nak dapat
bekalan import pun susah," kata-
nya ketika dihubungi Sinar



Kenaikan harga sayur ketika ini diburukkan lagi dengan isu bekalan sayur import.

Harian pada Rabu.

Akhbar ini pernah melapor-
kan mengenai kenaikan harga
sayuran dalam negara yang di-
laporkan meningkat sehingga
200 peratus sejak
dua minggu lalu.

Presiden
Persatuan Pengguna
Pulau Pinang
(CAP), Mohideen
Abdul Kader pada
Rabu berkata, ter-
dapat lapan jenis
sayuran didapati
merekodkan kenaik-
an harga antaranya
kubis bunga, sawi
pendek, brokoli,
sawi, kacang buncis,
kubis, cili merah
dan cili hijau.

Ee Mong ber-
kata, kemerosotan
bekalan sayuran im-
port yang lazimnya
diperoleh dari
China, Australia dan
Amerika Syarikat
itu berlaku di se-
luruh dunia kerana
faktor pengurangan pengeluaran
dan peningkatan kos logistik.

Kos pengeluaran meningkat
Sementara itu, Timbalan
Presiden Persatuan Penanam
Sayur Cameron Highlands, Lau
Weng Soon berkata, selain isu
cuaca, faktor kenaikan kos pe-

ngeluaran sayuran dan kekurang-
an pekerja juga menjadi faktor
kepada penurunan hasil sayuran
ketika ini.

Beliau berkata, dengan ke-
naikan kos pengeluaran antara-
nya harga baja yang berlaku sejak
empat bulan lalu, ramai peng-
usaha sayuran mengurangkan
penggunaan bahan tersebut se-
hingga menjejaskan jumlah pe-
ngeluaran hasil tanaman.

"Untuk seketika, kita masih
boleh gunakan baja lama yang
dibeli sebelum kenaikan harga,
tapi sekarang stok lama sudah
kurang.

"Kebanyakan baja import
yang kita ambil dari China juga
sudah sangat berkurangan,"
ujarnya.

Mengulas mengenai isu pe-
kerja, Weng Soon berkata, ramai
pekerja asing beralih keluar dari
Cameron Highlands untuk be-
kerja di sektor perkilangan se-
lepas pembukaan semula eko-
nomi negara pada tahun ini.

Katanya, hal tersebut mem-
burukkan lagi situasi kekurang-
an pekerja asing di ladang
tanaman di Cameron Highlands
yang didakwa sudah berlarutan
sejak dua tahun lalu.

"Kalau dulu kita boleh ta-
nam 10 ekar (4.04 hektar) pe-
nuh. Tapi sekarang mungkin
mungkin enam ke tujuh ekar
(2.42 hingga 2.83 hektar) sah-
aja," katanya.

Senarai harga beberapa jenis sayuran yang
mengalami kenaikan sejak dua minggu lalu:



Brokoli import:
RM12 kepada
RM16 sekilogram



Kubis bunga:
RM7 kepada
RM15 sekilogram



Cili merah:
RM14 kepada
RM18 sekilogram



Kacang buncis:
RM8 kepada
RM15 sekilogram



Daun ketumbar:
RM20 kepada
RM35 sekilogram



Sawi:
RM3 kepada
RM7 sekilogram

* Harga sayur berdasarkan tinjauan Sinar Harian pada Khamis / 24 November 2021

Harga sayur naik dua kali ganda di Perak

IPOH: Keadaan cuaca, kerosakan
tanaman petani dan permintaan yang
tinggi dipercayai menjadi punca kenaik-
an harga sayur-sayuran di pasaran.

Tinjauan di Pasar Besar di sini men-
dapati beberapa jenis sayur seperti kubis,
salad, sawi dan kacang buncis me-
nununjukkan peningkatan hampir dua kali
ganda sejak dua minggu lalu.

Sebelum ini, brokoli dijual antara
RM8 dan RM9 sekilogram (kg), namun
kini harganya mencecah RM15, kacang
buncis daripada RM6 kepada RM12 dan
sawi dijual RM7 sekilogram berbanding
RM4 sebelum ini.

Seorang peniaga, Noraini Abu Bakar,
berkata, harga sayur mula meningkat
selepas perayaan Deepavali lalu.

"Pembekal memaklumkan kenaikan
harga disebabkan keadaan cuaca apabi-
la berlakunya banjir, tanah runtuh yang
menjejaskan hasil dan bekalan.

Boleh dikatakan kesemua sayur
mengalami kenaikan harga. Harga salad
boleh dikatakan naik setiap hari. Daun
ketumbar pula dijual sehingga RM25 sekilogram. Ada sayur yang
tidak diambil kerana harganya yang mahal.

"Pada awal kenaikan pelanggan merungut tetapi harga jualan
bergantung kepada harga pembekal. Harga dijangka meningkat
pada hujung minggu," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd Saiful Abdul Rashid menjelaskan,
kenaikan harga sayur-sayuran itu menyebabkan pendapatan me-
reka merosot dan terpaksa menanggung kerugian jika sayuran
berkenaan tidak terjual.

"Kesemua harga sayur naik ketara. Awal bulan ini saya beli
sayur RM50 sebakul, kini saya beli pada harga RM150 untuk
bakul yang sama. Bermula pun tidak banyak untung," katanya.

"Boleh dikatakan jualan amat perlahan. Dalam tempoh dua
minggu ini, kami tidak dapat balik modal dan mengharapkan
hujung minggu orang ramai dapat keluar membeli," katanya.

Seorang peniaga, Mior Husainoorhafiz Mior Jala pula men-
jelaskan, pembekal memberi alasan sama iaitu keadaan cuaca
dan banyak permintaan menyebabkan mereka menaikkan harga
sayur-sayuran.

"Kami sendiri dalam dilema. Bukan tidak mahu jual murah
tetapi pembekal jual pada kami pada harga yang mahal."

"Sebelum kebenaran rentas negeri harga masih sama tetapi
dua minggu ini, boleh dikatakan ini kenaikan tertinggi. Pembeli
akan terasa dan kadang kala mereka merungut," katanya.



NORAINI



MIOR HUSAINOORHAFIZ



EE MONG



WENG SOON

25/11/2021

SINAR
HARIANHARGA
SAYUR PULA
MELAMBUNG

9

Harga naik sejak 2 minggu lalu

Peniaga dan pengguna mengeluh namun terpaksa membeli walaupun harga pasaran meningkat

SHAH ALAM

Selepas kenaikan harga ayam dan telur sejak kebelakangan ini, harga sayur pula dilihat menunjukkan peningkatan sejak dua minggu lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Moden Seksyen 6 di sini, pada Rabu mendapati terdapat beberapa jenis sayur mengalami peningkatan sehingga dua kali ganda.

Antara jenis sayur yang mengalami peningkatan harga mendadak ialah cili merah, sawi dan kacang buncis.

Brokoli, daun ketumbar, kubis bunga adalah jenis sayur yang mengalami peningkatan harga sehingga dua kali ganda harga asal.

Salah seorang peniaga sayur di sini, Mohd Azmi Hussein, 36, berkata, kenaikan harga pelbagai jenis sayur-sayuran mula disedari olehnya sejak dua minggu lalu.

Menurutnya, kacang buncis sebelum ini dihantar oleh pembekal dengan harga RM8 sekilogram, kini meningkat kepada RM15 sekilogram.



Harga pelbagai jenis sayur disedari naik oleh peniaga dan pengguna di Selangor sejak dua minggu lalu.



MOHD AZMI



CHIN PHIN

"Harga kubis bunga pada asalnya RM7 hingga RM8 sekilogram, kini meningkat sebanyak dua kali ganda kepada RM15 sekilogram."

"Harga cili merah biasanya RM14 sekilogram, kini cecah RM18 sekilogram, manakala sawi pula dalam RM3 hingga RM4 sekilogram, sekarang naik RM7 sekilogram."

"Saya juga membuat aduan ke-

pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya mereka datang ke sini untuk pantau harga sayur," katanya.

Seorang lagi peniaga sayur, Ang Chin Pin, 31, berkata, ketumbar dan kubis bunga antara sayur yang mengalami peningkatan harga mendadak.

Ujarnya, pelanggan mengeluh kepadanya berkenaan peningkatan harga sayur kerana tidak banyak sayur yang boleh dibeli oleh mereka.

"Dulu dengan harga sebanyak RM20, (pelanggan) boleh dapat lapan jenis sayur, tapi sekarang harganya menjadi RM25 untuk jumlah sama."

"Saya pernah tanya kepada pembekal tentang kenaikan harga dan mereka berkata harga sayur turut naik di Pasar Besar Selayang dan Cameron Highlands, Pahang," ujarnya.

Harga sayur naik 50 peratus di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Peniaga di Terengganu mengakui harga borong bagi beberapa jenis sayur naik 50 peratus sejak dua minggu lalu.

Seorang peniaga, Mariah Mamat, 49, berkata, peningkatan mendadak harga sayuran itu menyebabkan kebanyakan peniaga berasa tekanan kerana terpaksa menaikkan harga jualan.

Akuinya, antara sayur yang berlaku peningkatan mendadak ialah kubis bunga dan brokoli.

"Harga kubis bunga yang diperolehi daripada pemborong sebelum ini RM11 hingga RM12 sekilogram, namun kini meningkat kepada RM18."

"Sama juga dengan brokoli di mana kita dapat daripada pemborong sebelum ini sekitar RM12 sekilogram dan kini harga melambung sehingga RM18. Jadi kita terpaksa jual RM20 sekilogram," katanya ketika ditemui pemberita di Pasar Chabang Tiga di sini pada Rabu.

Tinjauan mendapati ia meningkat sekali ganda antaranya sawi manis (RM10), kubis bunga (RM15), brokoli (RM17) sawi panjang kampung (RM6), kacang buncis (RM16), cili besar merah (RM16), cili besar hijau (RM16) dan salad (RM20).

Seorang lagi peniaga, Nurul Essa Fazira Ariff, 27, berkata, harga kebanyakan sayuran yang dijual meningkat 50 peratus sejak 10 hari lalu.

Katanya, dia harap berlaku kawalan harga di peringkat pembekal kerana harga yang diterima peniaga runcit begitu tinggi.

"Kita harap pihak berkuasa dapat memantau keadaan ini dan bertindak sekiranya berlaku pencatutan di peringkat pembekal sebab kita tidak tahu punca kenaikan ini atas faktor apa."

"Mungkin kenaikan harga ini disebabkan banjir atau kerosakan tanaman," katanya.



ZULKIFLI



NURUL ESSA FAZIRA

Kubis bunga mahal lebih dua kali ganda di Pahang

TEMERLOH - Harga kubis bunga didapati meningkat lebih daripada dua kali ganda selepas mengalami kenaikan harga daripada RM7 sekilogram kepada mencecah RM16 sekilogram.

Seorang peniaga sayur di Pasar Awam Mentakab, Foziah Serandang, 51, memberitahu, kenaikan tersebut kerana faktor perubahan cuaca selain sayuran itu diimport dari China.

Menurutnya, selain kubis bunga, kebanyakan sayuran lain seperti sawi, salad turut mencatat kenaikan harga sejak beberapa minggu lalu.



FOZIAH SERANDANG



M GANDHI

"Salad buat masa ini dijual dengan harga RM12 sekilogram berbanding RM6 sekilogram sebelum ini."

"Kebanyakan pelanggan faham kenaikan ini tapi tak dinafikan ada yang merungut mahal,"

katanya yang telah terbahit dalam perniagaan itu sejak 30 tahun lalu.

Situasi itu turut diakui seorang peniaga sayur di pasar sama, M Gandhi, 55, yang menyifatkan kenaikan ini sudah dijangka berikutan faktor hujan yang menyebabkan harga sayur-sayuran turut naik.

"Contohnya, bayam pun dah naik harga, RM8 sekilogram berbanding RM4 atau RM5 sekilogram sebelum ini."

"Saya jangka bulan depan, kenaikan lagi ketara kerana musim hujan," dakwanya.

Sementara itu, peniaga nasi ayam, Shahrudin Ali, 56, men-



Harga sayur-sayuran didapati meningkat sejak beberapa minggu lalu.

dakwa kenaikan sayur-sayuran sudah mula dirasai sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Ujarnya, sayur kubis dipilih berbanding salad dalam menu nasi ayam di premisnya kerana harga salad yang lebih mahal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Kerajaan bantu nelayan tingkat pendapatan keluarga



BACHOK: Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40 khas bagi nelayan mampu memberi nilai tambah pendapatan kepada golongan terbabit.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program tersebut dilaksana bagi

memberi nilai tambah pendapatan isi rumah keluarga nelayan yang turut tergolong kategori B40.

Menurut beliau program itu termasuk tanaman yang diusahakan di sekitar kediaman nelayan, di mana hasilnya boleh dijual.

“Tanaman kontan dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga enam bulan, bantuan tersebut dapat membantu meningkatkan pendapatan dan kurangkan kos sara hidup.

“Diharap program tersebut dapat diterus dan dikembangkan lagi pada masa hadapan dengan bantuan isteri dan anak-anak nelayan di rumah,” katanya pada perasmian kursus tanaman kontan di bawah program pembangunan pelan peningkatan pendapatan golongan B40.

Program tersebut diadakan di Sudara Beach Resort semalam. Turut hadir Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Cawangan Kelantan, Khuzaimah Husain.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerima peruntukan RM35.4 juta bagi melaksanakan program terbabit yang melibatkan 16 agensi.

Antaranya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mensasarkan 2,006 peserta dengan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2020.

LKIM Kelantan menerima sebanyak RM350,000 dimanfaatkan kepada 350 nelayan, manakala RM82,000 diterima pada 2021 untuk dimanfaatkan 41 nelayan.

Sementara itu masyarakat nelayan menyambut baik peningkatan bantuan Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40 daripada RM1,000 tahun lalu kepada RM2,000 pada 2021.

Bantuan yang diberikan kepada setiap peserta dalam bentuk barangan melibatkan 53 projek tanaman meliputi halia, kunyit, lengkuas, cili api dan sebagainya.

Seorang nelayan, Nik Soh Nik Man, 54, dari Kampung Geting Tumpat menyambut baik hasrat kerajaan untuk membantu golongan terbabit.

Beliau berkata, tanaman kontan di bawah Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40 dilaksanakan secara berkelompok melalui Persatuan Nelayan Kawasan (PNK).

“Kalau ada bantuan kerajaan seperti ini, kita mahu cuba dan kita bercadang untuk melaksana projek pertanian secara hidroponik dan ternak ikan secara berkelompok,” katanya. – **HARAKHDAILY**
24/11/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Program rintis Smart SBB tingkat sumber padi negara



KOTA BHARU - Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (SMART-SBB) menerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dijangka dapat membantu meningkatkan sumber padi negara.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, menerusi projek perintis berkenaan ia sekurang-kurangnya dapat meningkatkan pengeluaran hasil padi untuk menyokong sasaran peratusan tahap sara diri (SSL) sehingga 75 peratus.

Beliau berkata, ia akan dilaksanakan selama enam musim penanaman padi termasuk yang telah bermula pada musim 2/2021 sehingga musim 1/2024 di Ladang Merdeka (LM) Jelor dan LM Meranti.

"Keluasan penanaman padi di LM Jelor adalah seluas 38.52 hektar yang melibatkan pemilik tanah seramai 159 orang. Purata hasil yang dicapai pada Musim Luar 2020 adalah 4.66 tan per hektar.

"Manakala LM Meranti pula berkeluasan 35.67 hektar melibatkan pemilik tanah seramai 134 orang dengan purata hasil yang dicapai pada Musim Luar 2020 adalah 6.60 tan per hektar," katanya pada Rabu.

Nik Roslan berkata, pihaknya juga telah mengenal pasti sebidang tanah padi yang tidak diusahakan dengan keluasan 100 hektar di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas.

Beliau berkata, tanah milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan Negeri Kelantan (PKPNK) itu dicadangkan untuk diusahakan sebagai projek perintis yang sama.

"Dianggarkan kos diperlukan untuk membangunkan kemudahan prasarana, infrastruktur pengairan dan sebagainya untuk ladang seluas 100 hektar itu berjumlah RM8.3 juta.

"Sekiranya projek perintis ini mencapai kejayaan sebagaimana disasarkan maka ia akan diperluaskan ke kawasan lain," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	26

Program rintis Smart SBB tingkat sumber padi negara

KOTA BHARU - Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (SMART-SBB) menerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dijangka dapat membantu meningkatkan sumber padi negara.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, menerusi projek perintis berkenaan ia sekurang-kurangnya dapat meningkatkan pengeluaran hasil padi untuk menyokong sasaran peratusan tahap sara diri (SSL) sehingga 75 peratus.

Beliau berkata, ia akan dilaksanakan selama enam musim penanaman padi termasuk yang

telah bermula pada musim 2/2021 sehingga musim 1/2024 di Ladang Merdeka (LM) Jelor dan LM Meranti.

"Keluasan penanaman padi di LM Jelor adalah seluas 38.52 hektar yang melibatkan pemilik tanah seramai 159 orang. Purata hasil yang dicapai pada Musim Luar 2020 adalah 4.66 tan per hektar.

"Manakala LM Meranti pula berkeluasan 35.67 hektar melibatkan pemilik tanah seramai 134 orang dengan purata hasil yang dicapai pada Musim Luar 2020 adalah 6.60 tan per hektar," katanya pada Rabu.

Nik Roslan berkata, pihaknya juga telah mengenal pasti se-

bidang tanah padi yang tidak diusahakan dengan keluasan 100 hektar di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas.

Katanya, tanah milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan Negeri Kelantan (PKPNK) itu dicadangkan untuk diusahakan sebagai projek perintis yang sama.

"Dianggarkan kos diperlukan untuk membangunkan kemudahan prasarana, infrastruktur pengairan dan sebagainya untuk ladang seluas 100 hektar itu berjumlah RM8.3 juta.

"Sekiranya projek perintis ini berjaya sebagaimana disasarkan maka ia akan diperluaskan ke kawasan lain," katanya. - *Bernama*



CAKNA... Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Awang Hashim hadir ke Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI Prihatin MADA di Perkarangan PPK MADA D-III, Titi Haji Idris baru-baru ini. MAFI Prihatin telah memperuntukan lebih 580 bakul makanan kepada keluarga peladang yang terjejas dengan banjir di Pendang.

Hasil dari banciaan, seluas 5,849 hektar bendang telah ditenggelami air baru-baru ini. Oleh itu, pihak MADA rasa bertanggungjawab untuk menyediakan insentif-insentif yang sesuai bagi membantu para peladang.

Turut bersama Pengerusi MADA, Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman dan ADUN Tokai, Dato' Dr. Mohd Hayati Othman.

Nanas jadi menu di hotel terkenal di Itali

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Nanas berpotensi menjadi makanan utama penduduk dunia, malah menjadi hidangan penting di hotel-hotel terkemuka termasuk di Itali.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, sekarang seluas 17,000 hektar ditanam nanas di seluruh negara.

Katanya kerajaan bercadang meningkatkan lagi tanaman itu kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia (RMK) ke-12 (2021-2025) memandang permintaan tinggi industri itu.



Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh bersama penerima bantuan MAFI Prihatin.

Kata beliau Kelantan juga mempunyai potensi besar tanaman nanas seperti MD2, Madu Kaca, Sarawak serta yang terbaharu nanas cobek mampu menjadi antara

ra pengeluaran nanas utama di negara ini.

"Tanaman nanas dikategorikan kerajaan sebagai sumber kekayaan baru negara terutamanya MD2 yang

nilai eksportnya meningkat kepada RM641 juta pada tahun 2020 berbanding RM492 juta tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Bakul Makanan MAFI Prihatin dan insentif LPNM di sini pada Sabtu.

Katanya juga Lembaga Perindustrian Nanas Ma-

laysia (LPNM) bersedia untuk menimbang geran bantuan sebanyak RM20,000 kepada setiap belia berumur 40 tahun ke bawah yang berminat menanam nanas secara berkelompok.

Menurutnya sekiranya 10 orang menyertai satu kumpulan bermakna mereka mendapat geran bantuan berjumlah RM200,000.

Sempena program itu se-

banyak 500 bakul makanan diedarkan kepada penduduk di Parlimen Pasir Puteh, yang terjejas pandemik termasuk petani, penternak dan nelayan serta petugas barisan hadapan.

Antara barangan makanan termasuk beras, gula, tepung, minyak masak susu pekat, biskut, behun nanas tin serta jem nanas.

Oleh DAYANG HANIA RAFFI
dayang.hania@mediamula.com.my

SETIAP makanan yang dimakan akan menghasilkan tenaga dikenali sebagai kalori dan ia boleh diukur dengan unit kilokalori atau Kcal. Kalori diperlukan oleh tubuh untuk melakukan pelbagai aktiviti harian termasuk aktiviti-aktiviti fizikal.

Keperluan kalori akan meningkat jika seseorang individu tersebut mengamalkan aktiviti fizikal aktif berbanding yang kurang aktif.

Namun, pengambilan kalori lebih daripada keperluan boleh menyumbang kepada masalah berlebihan berat badan dan obesiti. Sebagai contoh makanan ringan seperti aiskrim.

Berat badan berlebihan dan obesiti boleh meningkatkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan sebagainya.

Bagi membolehkan pengguna menikmati makanan manis seperti aiskrim tanpa perlu bimbang mengenai kenaikan kalori secara berlebihan dalam badan, Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Nor Zalina Mat Saad menghasilkan satu produk inovasi dikenali sebagai Aiskrim Kelapa Kurang Kalori.

"Inovasi baharu produk aiskrim kelapa kurang kalori ini dibangunkan bagi memenuhi cita rasa penggemar aiskrim agar dapat menikmati makanan sedap dan lazat serta bernutrisi tanpa menambah kandungan kalori yang banyak dalam pemakanan mereka," katanya.

AISKRIM KELAPA

Menurut Zalina, manfaat kesihatan kelapa muda telah banyak dibuktikan melalui kajian.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan pengguna hanya menikmati faedah kesihatannya melalui pengambilan kelapa segar. Ini kerana tidak banyak produk berasaskan kelapa yang tahan lama terdapat di pasaran.

"Aiskrim adalah produk pencuci mulut sejuk beku digemari oleh semua lapisan masyarakat. Sehubungan dengan itu, tercetuslah idea teknologi pembangunan produk aiskrim kelapa.

"Ia membolehkan pengguna menikmati rasa produk yang lazat, bernutrisi dan



AISKRIM kelapa kurang kalori yang diproses secara makmal oleh Nor Zalina Mat Saad.

Aiskrim Kelapa kurang kalori



Inovasi baharu produk aiskrim kelapa kurang kalori ini dibangunkan bagi memenuhi citarasa penggemar aiskrim agar dapat menikmati makanan sedap dan lazat serta bernutrisi tanpa menambah kandungan kalori yang banyak dalam pemakanan...

menyegarkan.

"Selain itu, kelapa pandan dipilih kerana ia mempunyai aroma wangi perisa pandan asli tanpa menggunakan perisa sintetik tambahan," katanya kepada Utusan Malaysia.

KEISTIMEWAAN PRODUK

Kongsi Zalina, meskipun terdapat banyak aiskrim kurang kalori di pasaran, aiskrim hasil ciptaan beliau ini ada keistimewaan tersendiri. Sebabnya ia dirumus dengan menggunakan kelapa muda pandan.

"Inovasi ini turut menggunakan ramuan bercirikan makanan-makanan sihat. Malah aiskrim kelapa kurang kalori ini mempunyai kandungan kalori 144.0 kcal atau 100g dan ia rendah lemak,

iaitu 1.06 peratus serta karbohidrat 30.58 peratus dan jumlah serat diet 1.75 peratus.

"Kandungan tersebut boleh dicadangkan kepada mereka yang menitikberatkan mengenai pengambilan jumlah kalori dalam diet harian," katanya.

Menurut Zalina, aiskrim tersebut mempunyai kandungan lemak yang rendah. Oleh itu, pengambilannya mengurangkan risiko penyakit seperti obesiti, kolesterol dan lain-lain seperti mana dikaitkan dengan aiskrim biasa.

AISKRIM kelapa kurang kalori ini dirumuskan menggunakan kelapa muda pandan.



“Ia juga adalah teknologi penghasilan produk nilai tambah bagi mempelbagaikan jenis makanan berasaskan kelapa berkhasiat dan berkualiti tinggi dalam pasaran.”

Buah kelapa diterima ramai

TAMBAHNYA, penilaian uji rasa produk oleh panel sensori mendapati aiskrim kelapa tersebut boleh diterima ramai apabila dipasarkan. Apabila

ditanyakan mengenai adakah produk tersebut akan muncul di pasaran, Zalina berkata, ia sudah bersedia untuk dipindahkan kepada usahawan atau pengusaha yang berminat.

“Setakat ini kajian di peringkat makmal dan kajian penerimaan pengguna telah selesai dijalankan, oleh itu usahawan-usahawan yang berminat, boleh menghubungi MARDI untuk perbincangan lanjut,” katanya.

Dalam pada itu, Zalina turut berkongsi, buah kelapa dipilih bagi teknologi ini kerana ia merupakan tanaman industri sumber kekayaan baharu bagi mempelbagaikan produk makanan.

“Tanaman buah ini telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara, khususnya dalam pembasmian kemiskinan



NOR ZALINA MAT SAAD

di kalangan pekebun kecil kelapa.

“Dengan adanya teknologi ini, permintaan terhadap buah kelapa akan meningkat dan dengan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

“Ia juga adalah teknologi penghasilan produk nilai tambah bagi mempelbagaikan jenis

makanan berasaskan kelapa berkhasiat dan berkualiti tinggi dalam pasaran,” kongsinya.

Dari segi kekerapan pengambilan, Zalina berkata, aiskrim tersebut boleh diambil dalam kuantiti 120ml atau dua sudu sederhana bagi setiap hidangan.

“Menurut International Dairy Foods Association, 2018 (IFDA) aiskrim kurang kalori hendaklah mengandungi 150 kalori atau kurang bagi setiap hidangan, iaitu setengah cawan atau 125ml aiskrim.

“Ini bermakna, pengguna boleh mengambil aiskrim kelapa kurang kalori ini sebanyak 120ml atau 2 skop sederhana aiskrim setiap hidangan.

“Malah tidak ada had umur bagi mereka yang ingin menikmati aiskrim tersebut, ia sesuai dihidangkan kepada golongan yang gemar memakan aiskrim.

“Namun, memandangkan aiskrim ini dicipta dengan kalori yang rendah, mereka yang menitik berat tentang pengurusan berat badan juga merupakan antara fokus sasaran pengguna produk ini,” katanya mengakhiri bicara.



MENTERI Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee (kanan) mencuba produk aiskrim kelapa dalam majlis Sambutan Hari Inovasi (MARDI) di Ibu Pejabat MARDI Serdang, 12 Oktober lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	KOSMO	NIAGA	38



ZAMRI (tengah) menyaksikan Dr. Abdul Razak (kiri) menyerahkan zakat perniagaan kepada wakil Lembaga Zakat Selangor di Pulau Carey baru-baru ini. – ABDUL RAZAK IDRIS

Usaha sama Nafas tanam Musang King

KUALA LANGAT – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan bekerjasama dengan syarikat dari China untuk menanam durian Musang King dalam kawasan seluas kira-kira 4,000 hektar.

Pengerusi Nafas, Datuk Zamri Yaakob, bagi menjayakan usaha tersebut pihaknya akan membeli tanah seluas 8,498 hektar milik sebuah syarikat di Pahang.

"Selain durian Musang King, kita juga akan menanam nangka madu dengan kerjasama syarikat dari China.

"Usaha sama tersebut akan dimuktamad menerusi majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang akan diadakan tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat di Pulau Carey baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak

Khasbullah.

Selain itu, Zamri menerangkan, hasil durian Musang King dan nangka madu dijangka dipasarkan ke luar negara.

Mengulas mengenai perancangannya sebagai Pengerusi baharu Nafas, beliau akan mencadangkan subjek Sains Pertanian diajar semula di sekolah dari peringkat rendah hingga menengah kerana ia menjanjikan masa depan cerah.

"Hari ini kita lihat majoriti peladang daripada golongan tua. Kita bimbang tiada generasi muda yang mewarisinya.

"Dahulu kita ada subjek Sains Pertanian yang menjadi panduan untuk pelajar yang menceburi bidang tani. Saya berharap bidang yang boleh menjana ekonomi ini diperkasakan di peringkat sekolah,"katanya.

Beliau berkata, golongan muda boleh menggunakan teknologi tinggi seperti fertigasi, hidroponik dan satelit untuk membantu mereka mengusahakan tanaman makanan.

25/11/2021 UTUSAN DALAM 30

MALAYSIA NEGERI

Ayam serama 'sombong' jadi buruan

PADANG TERAP: Suatu ketika da-

hulu ayam serama

dibela untuk

pertandingan,

namun, se-

jak pandemik

Covid-19 ini,

didapati haiwan

peliharaan

itu menjadi

buruan

orang ra-

mai yang

ingin

menter-

nak bagi

tujuan

mengisi masa lapang.

Seorang penternak dan pem-

baka ayam serama, Nazmi Tirmizi,

35, dari Kampung Rambutan, Kua-

la Nerang di sini mengakui haiwan

itu semakin popular sejak Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) tahun

lalu dan antara ciri-ciri dicari ada-

lah bentuk tubuh yang cantik dan

warna yang menarik.

"Dahulu, haiwan ini cuma

jadi buruan mereka yang

bertanding untuk pertandi-

ngan

atau

golon-

gan elit

saja,

tetapi, sejak kebelakangan ini,

penggemarnya daripada kelom-

pok sesiapa saja yang ingin mem-

belanya seperti haiwan lain.

"Ayam serama ini, jika semakin

mendada bentuk tubuhnya seo-

lah-olah kelihatan seperti som-

bong, semakin ia digemari.

"Malah, ada yang sanggup

membuat tempahan ayam sera-

ma ini daripada telurnya lagi," ka-

tanya ketika ditemui di rumahnya

di Kampung Rambutan, Kuala

Nerang, di sini semalam.

Menurut Nazmi, fizikal ayam

serama yang diternaknya adalah

semula jadi dengan menggunakan

baka yang baik.

"Setakat ini, saya menternak

100 ayam serama di rumah dan

dipasarkan melalui laman media

sosial saya. Permintaan untuk

ayam serama ini datang dari

seluruh negara," katanya

Bercakap tentang har-

ganya, katanya yang

juga seorang penjawat

awam, nilai ayam sera-

ma itu mampu mencecah ribuan ringgit mengikut baka, bentuk tu-

buh dan warnanya.

"Pemilihan ayam serama ini

mengikut selera masing-masing

seperti juga pertandingan ayam

serama, ia akan dinilai mengikut

bentuk badan, warna, bulu, balung

dan bakanya. Makin segar, nampak

sombong makin disukai," katanya.

Menurut Nazmi, dia juga terjun

di dunia ayam serama itu bermula

daripada sekadar hobi sahaja se-

belum memilih untuk menternak

kerana permintaan yang meng-

galakkan daripada penggemarnya.

"Saya menganggap ayam sera-

ma ini unik dan merupakan ikon

negara kita. Apatah lagi haiwan ini

berasal dari negara kita sendiri dan

mula diternak di Kelantan.

"Banyak negara luar yang me-

ngagumi kita kerana kepakaran

menternak dan memelihara ayam

sehingga ia menjadi segak dan

cantik," katanya yang sering men-

juarai pertandingan ayam serama

sebelum ini.



NAZMI Tirmizi menunjukkan sebahagian ayam serama yang diternak untuk dijual di rumahnya di Kampung Rambutan, Kuala Nerang, Padang Terap, Kedah, semalam. - UTUSAN/JAMLI/ABDULLAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/11/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MALAYSIAN AGRICULTURE INDUSTRY TO BENEFIT FROM CHINA'S STANDARDS REFORMATION

PUTRAJAYA, Malaysia China's reformation of the standards and quality for imported food products is expected to give the Malaysian agriculture industry an advantage, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Ahmad Shabery Cheek.

China recently formed a new agency, the State Market Regulatory Administration (SMRA), which merged and took over the responsibilities previously held by the General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ), the State Administration for Industry and Commerce, and the China Food and Drug Administration.

Speaking to reporters after receiving AQSIQ Vice-Minister Chen Gang at Wisma Tani here today, Ahmad Shabery said the cooperation between the two countries would continue to ensure local agricultural products could penetrate China's market although the republic was currently undergoing a standards reformation process via the formation of the SMRA.

"The AQSIQ delegation's visit today was intended to provide information on the standards reformation, and this, to me, will give Malaysia an advantage of being prepared, he said.

He explained that the creation of the SMRA would benefit Malaysia through red tape reduction as Malaysian exporters previously had to undergo several processes under the three regulatory bodies in order to bring agricultural products into China.

Ahmad Shabery said the SMRA's enforcement standards on agriculture product imports also indirectly gave an advantage to Malaysia's agriculture producers by giving a guarantee on the country's food safety and quality.

He also disclosed that his ministry was in the final stages of discussion with the Chinese authorities to export durians and jackfruit, while negotiation for exporting raw bird's nests would be concluded in a few months.

Malaysia's food product exports to China totalled RM2.363 billion last year (2016: RM2.364 billion), while the country imported food products worth RM6.082 billion from the republic (2016: RM5.945 billion).

Resah 100 penternak ikan

Bakal berdepan kerugian ratusan ribu ringgit menjelang musim tengkujuh

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Ketibaan musim tengkujuh sentiasa merebakkan penternak ikan dalam sangkar di sekitar Laguna Sri Tujuh di sini kerana bakal berdepan dengan kerugian besar disebabkan banyak ikan mati. Ia berikutan air hujan yang dilepaskan dari pintu air di Jubakar Pantai akan mengalir ke sangkar ikan yang menyebabkan ternakan itu mati kerana keracunan serta kekurangan oksigen.

Bagi Abdul Rahman Hamid, 52, situasi itu dialami setiap tahun menyebabkan dia dan hampir 100 penternak ikan dalam sangkar sekitar berdepan dengan kerugian mencecah ratusan ribu ringgit.

"Memang keadaan ini tidak boleh dielakkan dan dihadapi kami saban tahun menjelang musim tengkujuh cuma atas nasib sama ada mengalami rugi banyak atau sedikit.

"Jika ikan yang sudah mencapai lapan atau 10 bulan usianya, ia sudah mampu dijual, tapi yang kurang daripada usia itu kami banya berputih mata melihat ia mati akibat kekurangan oksigen dan keracunan.

"Tempoh musim tengkujuh yang lazimnya mengambil masa antara empat hingga lima bulan tidak sempat menjadikan ikan yang ditenak membesar mengikut jadual yang sepatutnya ia boleh dijual" katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, hujan lebat berterusan yang melanda dua minggu lalu menyebabkan beberapa penternak ikan dalam sangkar

segera menjual ikan ternakan daripada sangkar masing-masing dan dijual pada harga murah di tepi jalan bagi mengelakkan kerugian.

Jika pasaran semasa, untuk ikan tilapia, ia akan dijual pada harga RM15 sekilogram, RM18 untuk siakap manakala kerapu pula RM35, namun setiap kali berdepan situasi itu, ikan akan dijual sehingga se-



ABDUL RAHMAN Hamid menjual ikan dalam sangkar setiap hari bagi mengelakkan kerugian ditanggung.



nyak mampu mengurangkan kerugian lebih besar ditanggung.

Dia yang memiliki 20 sangkar dan sudah menternak sejak 30 tahun lalu berkata, sebagai langkah awal, semua penternak sudah membekalkan oksigen untuk sangkar ikan masing-masing dan persekitaran itu sedikit sedian akan melanda.



DERETAN sangkar ikan yang menjadi punca pondapapan hampir 100 penternak ikan di Laguna Sri Tujuh. Keribatan musim tengkujuh sentiasa merebakkan penternak ikan dalam sangkar kerana bakal berdepan kerugian besar disebabkan banyak ikan mati kerana keracunan serta kekurangan oksigen berikutan air hujan yang dilepaskan dari pintu air di Jubakar Pantai mengalir ke sangkar ikan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Ayam serama makin mendada, makin digemari ramai

KUALA NERANG - Kegiatan peminat ayam serama membela haiwan tersebut membuatkan mereka bertumba-tumba untuk mencari baka baik sehingga ada yang telah menempah ketika binatang berkenaan masih berada dalam telur.

Penjawat awam, Nazmi 'Trini' zi, 35, dari Kuala Nerang berkata, haiwan berkenaan semakin popular sejak pandemik Covid-19 dan menjadi rebutan kerana ben-tuknya yang cantik dan warna menarik.

"Semakin mendada dan kelihatan sombong semakin ia dicari. Jika dahulu ia dibuat pertandingan, kini sesiapa sahaja ingin membelanya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Rambutan di sini baru-baru ini.

Tambahnya, ada yang sanggup membuat tempahan ayam serama itu daripada telurnya lagi dan dia menternak haiwan itu secara semula jadi menggunakan baka baik.

"Ada orang letak ayam serama dalam botol untuk memben-tuk dadanya, namun saya tidak sesekali mendera seperti itu kerana saya ambil baka yang ter-baik dan selalu menang pertan-dingan.

"Saya ada 100 ekor ayam serama dan dijual secara online hingga mencecah ribuan ringgit bergantung kepada baka, bentuk dan warna," katanya.

Tambahnya, sebelum serius dalam bidang itu, dia membela ayam serama sekadar hobi dan menganggap haiwan tersebut se-bagai unik dan ikon negara.



NAZMI menunjukkan ayam serama yang dibelanya ketika ditemui di Kuala Nerang baru-baru ini.